

MOSTI rancang wujud Pusat Inovasi Negara

Serdang: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang untuk mewujudkan Pusat Inovasi Negara yang antara lain akan mengumpulkan semua produk inovasi tempatan bagi tujuan pengkomersialan.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pusat berkenaan dijangka berfungsi sebagai tempat rujukan dan pengumpulan produk inovasi bagi memudahkan industri membuat pilihan.

"Kami merancang mewujudkan lokasi seumpama ini untuk

memberi laluan mudah kepada penggiat industri mendapatkan dan membandingkan produk inovasi dihasilkan dengan lebih mudah.

"Ia dijangka tidak terhad untuk produk inovasi hasil penyelidikan institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi memberi ruang kepada semua pusat penyelidikan tempatan," katanya selepas majlis pembukaan Forum Buluh-Buluh Futuristik di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Menurutnya, penubuhan



DR Abu Bakar

pusat berkenaan masih dalam peringkat perbincangan dan ia dijangka dapat diwujudkan ke arah menjadikan 2014 sebagai tahun pengkomersialan pro-

duk inovasi.

"Selain mengetengahkan produk inovasi, pusat ini juga memberi ruang kepada usahawan mengembangkan operasi mereka ke pasaran lebih luas terutama di luar negara dengan kerjasama pihak industri atau usahawan lain," katanya.

Sementara itu, majlis sama turut menyaksikan UPM mendatangkan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Yayasan Inovasi dan Keusahawanan Global (GIEF) untuk pembabitan dalam hasil ciptaan inovasi buluh berteknologi tinggi.

Majlis sama turut menyaksikan MoU antara GIEF dengan penganjur Pameran Buluh Dunia Damyang 2015 yang akan diadakan di Damyang, Korea tahun depan.